

Headline	Kesan minimum kepada TNB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Ekonomi	Page No	35
ArticleSize	680 cm ²	Journalist	NUR HANANI
PR Value	RM 40,689		



Kerajaan rancang laksana liberalisasi elektrik

Kesan minimum kepada TNB

Oleh NUR HANANI AZMAN
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 JULAI

TENAGA Nasional Bhd. (TNB) dijangka menerima kesan yang minimum jika kerajaan melaksanakan liberalisasi elektrik runcit, kata UOB Kay Hian Malaysia Research.

Menurut firma penyelidikan itu, akaun segmen runcit hanya menyumbang dua peratus daripada hasil TNB dan penurunan harga saham syarikat utiliti itu sebanyak empat peratus Jumaat lepas adalah tidak wajar.

Katanya, perkara yang lebih

 **TENAGA
NASIONAL**
Better. Brighter.

penting ketika ini, peraturan berdasarkan insentif (IBR) adalah berdasarkan kepada aset yang dikawal selia.

"Segmen runcit adalah aset cahaya justeru TNB memperoleh keuntungan yang minimum sebagai satu-satunya pembekal elektrik runcit di Semenanjung," katanya dalam nota penyelidikan di sini hari ini.

Pada Jumaat lalu, kerajaan dilaporkan sedang menjalankan kajian mengenai

Segmen runcit adalah aset cahaya justeru TNB memperoleh keuntungan yang minimum sebagai satu-satunya pembekal elektrik runcit di Semenanjung."

**UOB KAY HIAN
MALAYSIA RESEARCH**

sama ada untuk membenarkan pembekal tenaga baharu masuk ke dalam pasaran dan

keputusan akan dibuat tidak lama lagi.

Sejurus pengumuman itu, harga saham syarikat utiliti berkenaan turun sebanyak empat peratus.

Dalam pada itu, UOB Kay Hian Research percaya penjualan besar-besaran itu adalah tidak wajar dan harga saham yang lemah adalah peluang untuk mengumpul hasil dividen yang mampan sebaiknya empat peratus.

Tambahnya lagi, pemangkin penarafan semula utama bagi sektor tenaga termasuk TNB atau penjana kuasa bebas (IPP) lain seperti Malakoff adalah dengan memenangi tender Projek Loji Jana Kuasa

Solar Berskala Besar pusingan ketiga (LSS3).

"Kedua adalah pengurusan modal secara aktif yang akan menyediakan ruang untuk meningkatkan harga saham dan ketiga, pembaharuan pasaran menghapuskan risiko bahan api untuk TNB," katanya.

Ketika pasaran Bursa Malaysia ditutup pukul 5 petang ini, saham TNB naik 22 sen kepada RM13.82 sesaham.

Jika kerajaan memutuskan untuk meneruskan rancangan berkenaan, ini bermakna TNB bukan lagi pilihan tunggal pengguna di Semenanjung Malaysia untuk membeli tenaga elektrik.